

Malaysia di landasan betul menuju fasa endemik

Oleh [Saiful Haizan Hasam](#) - Februari 5, 2022
saiful.haizan@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia berada pada landasan yang betul dan mempunyai peluang yang baik untuk memasuki fasa endemik COVID-19 dalam masa terdekat selagi setiap lapisan masyarakat tidak berputus asa.

Perunding Penyelidikan Universiti Malaya (UM), Profesor Emiritus Datuk Dr Lam Sai Kit, bagaimanapun berkata, pada masa ini, pandemik COVID-19 masih perlu dianggap sebagai Kecemasan Kesihatan Awam Kebimbangan Antarabangsa (PHEIC).

Sehubungan itu, katanya, langkah kesihatan awam dan sosial (PHSM) sedia ada perlu terus dipatuhi.

"Kita perlu mengekalkan pematuhan PHSM yang berterusan dan untuk mendapatkan seramai mungkin orang dewasa dan kanak-kanak divaksinasi serta diberi dos penggalak.

"Saya percaya Malaysia sedang menuju ke arah yang betul dan selagi kita tidak berputus asa, ada peluang yang cerah untuk kita berada dalam kedudukan yang baik untuk keluar daripada fasa pandemik dan memasuki fasa endemik tidak lama lagi," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Berikutan desakan orang ramai di seluruh dunia supaya sekatan ditarik balik bagi membolehkan kehidupan kembali normal dan ekonomi dipulihkan, banyak negara sudah menarik balik hampir semua sekatan.

Denmark serta England menjadi negara terawal yang memberi kelonggaran ketika ini dan langkah itu bakal diikuti beberapa negara Eropah lain.

Malaysia juga mempertimbangkan langkah yang sama untuk mengisytiharkan fasa endemik, walaupun lebih berhati-hati seperti diumumkan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, baru-baru ini.

Sementara itu, Sai Kit, yang juga Felo Kanan, Akademi Sains Malaysia, menegaskan Malaysia tidak boleh mengisytiharkan status endemik secara tergesa-gesa sebelum keadaan benar-benar terkawal.

Katanya, negara mesti dipastikan berada dalam keadaan bersedia, termasuk pengurangan kes, pengesanan hubungan yang mencukupi, ujian sampel dan penjujukan genom serta mengurangkan kadar kemasukan ke hospital, kes kritikal dan kematian berlebihan.

"Keupayaan negara untuk menangani sebarang lonjakan kes sekali lagi akan diuji dengan pergerakan besar-besaran rakyat semasa Tahun Baharu Cina dan Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor akan datang," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, Malaysia berjaya memberi vaksin kepada penduduk dewasanya, namun masih ramai yang masih belum menerimanya atas sebab kesihatan atau peribadi.

Katanya, kerajaan juga baru sahaja memulakan vaksinasi bagi kanak-kanak berusia antara lima tahun hingga 11 tahun dan diharapkan pengambilannya mencecah 50 peratus pada akhir bulan ini.

"Jika jumlah kanak-kanak yang mencukupi mendapat vaksin, ia akan mengurangkan kluster pendidikan yang dilaporkan kebelakangan ini," katanya.

Sai Kit dalam pada itu turut mengingatkan kenyataan Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Tedros Adhanom Ghebreyesus, pada 19 Januari lalu mengenai beberapa perkara penting yang perlu diambil kira sebelum wabak COVID-19 dianggap berakhir.

Katanya, Tedros menyatakan status vaksin COVID-19 dan sasaran vaksinasi belum tercapai di peringkat global, dengan ketidaksamaan akses vaksin menjadi masalah utama.

"Beliau juga menegaskan varian baharu seperti Delta dan Omicron serta keturunan masing-masing masih membimbangkan dan kemungkinan senario masa depan akan membabitkan varian yang lebih atau kurang teruk.

"Selain itu, cabaran untuk mengekalkan sokongan komuniti yang berterusan untuk langkah kesihatan awam dan sosial selepas dua tahun," katanya.